

Perjuangan mesti diteruskan

TAWAU, Rabu — Malaysia akan terus dihormati negara luar jika negara terus mencapai kemajuan pesat dalam bidang ekonomi, politik dan sosial, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sejak mencapai kemerdekaan, Kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional (BN) membuktikan keupayaannya dalam membangunkan negara.

"Kini, tidak ada lagi sindiran, hinaan dari luar terhadap kemampuan kita mentadbir negara ini," katanya di majlis makan malam bersama pemimpin BN di Dewan Masyarakat di sini malam ini.

Malah, katanya, hari ini bangsa Malaysia boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain.

Katanya, BN ingin menjadikan masyarakat Malaysia dihormati masyarakat dunia:

"Kita sudah berjaya setakat ini, tetapi jangan berehat kerana perjuangan mesti diteruskan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, negara harus mengisi kemerdekaan dengan mengamalkan politik yang sesuai dengan keadaannya, tahu membangunkan ekonomi dan boleh menjaga dirinya.

"Kita akan dipandang hina jika selalu gagal atau jika tidak tahu memba-

ngunkan negara sendiri," katanya.

Perdana Menteri juga meminta rakyat negara ini bersyukur dengan kenikmatan yang dikecapi hasil pembangunan negara.

Katanya, Malaysia lebih maju daripada kebanyakan negara lain yang tidak mencapai kemajuan seperti Malaysia.

"Kebanyakan negara di dunia hari ini, sama ada negara membangun dan maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah menghadapi pelbagai masalah ekonomi, politik dan sosial," katanya.

Menurutnya, hampir semua negara di dunia ini menghadapi pelbagai masalah besar seperti peperangan di Bosnia, kebuluran di Somalia, Sudan dan Habsyah, ancaman kemarau berpanjangan di Zimbabwe, Mozambique, Namibia dan Afrika Selatan.

Bagaimanapun, katanya, di sebalik pelbagai malapetaka dunia, Malaysia makmur dan aman serta tidak menghadapi ancaman bencana besar.

"Negara jiran kita menghadapi masalah bencana letupan Gunung Pinatubo yang laharnya membunuh nyawa manusia, haiwan dan tanam-tanaman," katanya.

Di majlis itu juga, Pemuda Umno Sabah menyampaikan cenderamata kepada wakil parti komponen BN.